



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(12)
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 23.02.2014

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 1/2015

Permohon adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN : PEMBANTU AKAUNTAN GRED W17**
- (b) **TARAF JAWATAN : TETAP/KONTRAK**
- (c) **JADUAL GAJI: RM 929.00 (Minimum) – RM 3,377.00 (Maksimum)**
- (d) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM95.00**
- (e) **IMBUHAN**
 - (i) Tetap Khidmat Awam : RM115.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM180.00
 - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (f) **SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : RM929.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : RM985.13); atau

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : RM1,154.33); atau
 - (iv) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : RM1,379.92).
- dan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(g) PENGALAMAN BEKERJA

Berpengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam pengurusan kewangan/perakaunan adalah diutamakan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 Mac 2015 (Jumaat)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Dokumen: 10165528